

**SUDUT PANDANG IMAM AL-NAAWAWI DALAM HAL
TANGGUNGJAWAB MENYANTUNI KELUARGA BERDASARKAN
HADITH SAHIH MUSLIM**

Dr. Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60134004153, E-Mail: yusry_affandy@usim.edu.my

ABSTRAK

Imam al-Nawawi merupakan seorang tokoh ulama terkemuka dalam Mazhab Shafi'i. Ketokohan dalam lapangan hadith dapat dilihat menerusi kitab susunannya *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Kitab ini memuatkan huraian dan sudut pandang Imam al-Nawawi terhadap hadith-hadith *sahih* riwayat Imam Muslim. Kajian ini penting dalam usaha menganalisis fakta Imam al-Nawawi terhadap maksud hadith hasil janaan keilmuannya dalam pelbagai disiplin ilmu. Dengan mengamati hadith-hadith *sahih* dan perspektif yang benar, seseorang suami, isteri dan ahli keluarga akan beroleh pengetahuan dan sentiasa bersemangat menyempurnakan tanggungjawab dan menyantuni antara satu sama lain. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti sudut pandang Imam al-Nawawi berkaitan tanggungjawab menyantuni keluarga berdasarkan kandungan kitab *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Seterusnya, kajian merumuskan tentang konsep tanggungjawab ahli-ahli keluarga. Kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif bagi mendapatkan hadith-hadith berkaitan kesantunan keluarga dalam kitab *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan dan merumuskan kenyataan Imam al-Nawawi berhubung konsep tanggungjawab menyantuni keluarga. Dapatkan kajian menunjukkan Imam al-Nawawi telah meletakkan peranan utama kepada pihak suami sesuai dengan zahir hadith. Hukum hakam fiqh sering dimasukkan dalam perbincangan. Hadith-hadith bukan sahaja mengandungi seruan agar kepimpinan keluarga menyempurnakan keperluan makan minum, pakaian, tempat tinggal dan kasih sayang bahkan juga menyeru agar setiap ahli keluarga termasuk anak-anak mengamalkan agama untuk tujuan kesejahteraan di akhirat.

Kata kunci: Imam al-Nawawi, tanggungjawab, kesantunan, keluarga, hadith

Pendahuluan

Imam al-Nawawi merupakan ulama yang berpengaruh dalam Mazhab Shafi'i. Ketokohan beliau begitu terserlah disebabkan penguasaan ilmu yang tinggi terutama dalam bidang hadith dan fiqh. Sumbangan Imam al-Nawawi terhadap dunia Islam dapat dirumuskan kepada dua bahagian iaitu penulisan karya agama bermutu tinggi dan perjuangan membela Islam. Beliau pernah berdepan dengan pemerintah al-Zahir Bebris dalam isu paksaan cukai. Imam al-Nawawi bangkit menegur dan membela kesusahan rakyat ketika itu berbekalkan prinsip keadilan Islam (H. Muhyiddin *et. al.*, 2007). Menurut Imam al-Dhahabi, Imam al-Nawawi telah menghasilkan 660 buah kitab (al-Daqr, 1987). Menurut sebahagian pendapat, kitab karangan beliau yang paling mudah dirujuk dalam Mazhab Shafi'i ialah *Minhaj al-Talibin* (Mahayudin, 1978). Keilmuan dalam bidang hadith dapat dilihat menerusi kitab hadith terbesar beliau iaitu *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Kitab ini memuatkan syarah hadith atau perbahasan terhadap hadith-hadith *sahih* riwayat Imam Muslim.

Kitab *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj* mempunyai kedudukan yang sangat tinggi sebagai rujukan huraian hadith di kalangan sarjana Islam. Terdapat banyak para ulama sebelum Imam al-Nawawi yang melaksanakan perbahasan hadith *Sahih Muslim*, namun karya Imam al-Nawawi lebih lengkap dan sempurna seperti yang ditulis al-Maziri, al-Qadhi ‘Iyadh dan Ibn Salah (Sabudin dan Mohd Radzi, 2015).

Latar Belakang Dan Ketokohan Imam Al-Nawawi

Nama sebenar Imam al-Nawawi ialah Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf bin Muri bin Hasan bin Husain bin Hazam bin Muhammad bin Jum’ah al-Nawawi al-Shafi’i. Imam al-Nawawi dilahirkan pada bulan Muharam tahun 631H di Nawa, salah sebuah perkampungan Syam berhampiran Damsyik. Beliau mendapat didikan agama secara khusus daripada ayahanda dan seorang guru agama bernama Sheikh Yasin bin Yusuf al-Zarkashidan. Pada tahun 651 H ia menunaikan ibadah haji bersama ayahnya, kemudian ia pergi ke Madinah dan menetap di sana selama satu setengah bulan lalu kembali ke Dimasyq.

Menurut Muhammad bin ‘Alan al-Sadiqi (t.t.), Imam al-Nawawi gigih mencari ilmu selama 20 tahun meliputi pengajian seperti hadith, fiqh dan Bahasa Arab. Pelajaran hadith khususnya diperoleh daripada ulama hadith; Abu Ishaq Ibrahim bin ‘Isa al-Muradi, Usul Fiqh daripada al-Qadi al-Taflisi dan Fiqh daripada al-Kamal Ishaq al-Mari dan Syams al-Din ‘Abd al-Rahman al-Ma’mari. Dalam lingkungan usia 29 tahun, iaitu pada tahun 660 Hijrah beliau mula terlibat dalam penulisan. Penglibatan ini berterusan sehingga ke akhir hayatnya (Mohamad Syukri dan Mohammad, 2014). Semasa berusia 34 tahun, iaitu pada tahun 665 Hijrah beliau dilantik sebagai guru di Dar al-Hadith al-Ashrafiyyah di Damshik tanpa menerima imbuhan atau gaji. Beliau menyandang jawatan tersebut sehingga ke akhir hayatnya (al-Nu’aymi, 1988).

Imam al-Nawawi banyak menulis kitab dalam pelbagai disiplin ilmu namun yang paling utama ialah dalam bidang hadith dan fiqh. Contoh kitab dalam bidang hadith ialah *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*, *al-Arba’in al-Nawawi*, *Riyadh al-Salihin*, *Khulasah al-Ahkam min Muhimmad al-Sunan wa Qawa'id al-Islam* dan *al-Azkar*. Kitab-kitab dalam bidang fiqh ialah seperti *Raudhah al-Talibin*, *al-Majmu’*, *Sharah Al-Muhazzab* dan *al-Idhah*.

Imam al-Nawawi dinilai para sarjana sebagai ulama yang mengetahui dalil-dalil, pendirian imam mazhab, perkara yang diperselisih dalam hukum dan pakar dalam mengeluarkan keputusan baru untuk pendirian mazhab. Dalam Mazhab Shafi’i, tokoh *mujtahid al-fatwa* ialah seperti Imam al-Rafi’i (w. 623H) dan Imam al-Nawawi. Imam al-Nawawi meninggalkan dunia pada malam Rabu, 24 Rejab tahun 676H ketika berusia 45 tahun.

Pengenalan Kitab *Al-Minhaj Bi Sharh Sahih Muslim Bin Hajjaj*

Kitab *al-Minhaj* ini atau panggilan mahsyurnya kitab *Sharh Muslim* dinilai kalangan ulama sebagai kitab kupasan *Sahih Muslim* yang terbaik (Abu Shahbah, 1969). Penulisan Imam al-Nawawi ini menjadi sebuah manuskrip besar yang berperanan menghimpun semula dan menghuraikan atau mensyarah hadith daripada sebuah kitab hadith *sahih* yang mempunyai keutamaan sebagai rujukan ilmu Islam.

Kandungan kitab memuatkan hadith-hadith berkaitan enam dasar iaitu akidah, hukum, akhlak, ilmu hadith, sejarah dan akhlak. Imam al-Nawawi melakukan analisis terhadap kebanyakan hadith dengan pengaplikasian ilmu hadith dan juga bantuan ilmu-ilmu

yang lain seperti ilmu fiqh. Dikatakan bahawa Imam al-Nawawî melakukan istikhara dalam menyusun kitab besar ini (Sri Ulfa, 2020).

Dalam analisis kajian kontemporari, Nizar Ali (2007) mendedahkan penulisan kitab *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj* menerapkan kaedah membandingkan sesuatu hadith dengan hadith yang lain. Beliau amat gemar mengutamakan huraian berdasarkan kefahaman hadith yang lain atau dikenali dengan kaedah *al-mat'thur*. Terdapat kupasan hadith yang panjang, sederhana, pendek dan sekadar meletakkan hadith besertakan dengan tajuk kecil. Dalam pendekatan Imam an-Nawawi membandingkan teks sesuatu hadith, beliau juga menilai dari sudut periyawatan dan kajian tentang makna lanjut antara hadith tersebut. Selanjutnya, keunikan penulisan Imam al-Nawawi ialah memfokuskan sesuatu hadith tanpa perbahasan yang terlalu panjang.

Hadith-Hadith Tanggungjawab Menyantuni Keluarga

Pengkaji telah memilih hadith yang berkaitan dengan tanggungjawab menyantuni keluarga. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, menyantuni adalah berasal daripada kalimah santun. Menyantuni bermaksud bererti menunjukkan kesopanan atau kehalusan budi secara lisan atau perbuatan. Perkataan santun turut sinonim dengan makna belas kasihan, murah hati, simpati dan tabiat sayang (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=santun>).

Istilah menyantuni keluarga dapat dirumuskan dengan percakapan atau perbuatan yang menerapkan kebijakan, keselamatan dan kasih sayang zahir dan batin dalam institusi keluarga. Natijah daripada kesedaran mengamalkan kesantunan akan mencetuskan keluarga bahagia. Ibn Maskawaih (w. 421H) menjelaskan bahawa kebahagiaan adalah antara matlamat kehidupan tertinggi yang dicari manusia (Ibn Maskawaih, 1970). Dalam perspektif Islam, keluarga atau kehidupan bahagia dapat dicapai dengan memelihara keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai inspirasi utama dalam menjaga perhubungan antara manusia (Akram, 2021).

Imam al-Nawawi telah mengeluarkan keterangan atau pendapat bersandarkan maksud hadith-hadith *sahih* riwayat Imam Muslim. Pengkaji menyimpulkan pendapat beliau sebagai sebuah penekanan terhadap setiap ahli keluarga dalam merealisasikan tanggungjawab menyantuni keluarga sebagaimana yang diperintahkan Islam. Penekanan Imam al-Nawawi dapat diamati berdasarkan analisis berikut:

Menyedari Peranan Dalam Hidup Bekeluarga

عن ابن عمر رضي الله عنه قال: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَّةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهَا، وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ، وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ، أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Maksudnya: Daripada Ibn 'Umar RA berkata sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Ingatlah setiap kamu adalah pemimpin dan akan dipersoal terhadap tanggungjawabnya. Ketua negara yang memimpin rakyatnya, akan dipersoal terhadap

tanggungjawabnya. Suami itu pemimpin terhadap keluarganya dan dia akan akan dipersoal terhadap tanggungjawabnya terhadap mereka. Isteri adalah antara pemimpin dalam rumah tangga, suami dan anaknya, ia akan dipersoal terhadap tanggungjawabnya. Hamba sahaya adalah pemimpin atas harta tuannya dan dia akan akan dipersoal terhadap tanggungjawab harta tuannya itu. Ketahuilah, setiap kamu itu pemimpin dan setiap pemimpin akan akan dipersoal terhadap kepimpinannya”.

(Riwayat Imam Muslim, no.1829)

Imam al-Nawawi (2000:1185) mengemukakan pendapat umum ulama yang menyebut pemimpin segenap lapisan itu merupakan para pemegang amanah Allah SWT. Mereka berpotensi besar untuk mencetuskan kebaikan terhadap orang bawahannya. Imam al-Nawawi meletakkan tajuk ini tanpa perubahan daripada tajuk yang tertera dalam kitab *Sahih Muslim*. Begitu juga dalam tajuk-tajuk yang seterusnya, Ini kerana tajuk asal telah menterjemahkan maksud hadith yang dikehendaki syarak.

Melalui hadith ini, Imam al-Nawawi menekankan bahawa setiap pasangan suami isteri perlu menyedari peranan mereka dalam hidup berkeluarga. Sesuai dengan zahir hadith, dalam konteks kekeluargaan, Rasulullah SAW telah menyebut terlebih dahulu bahawa suami merupakan pemimpin yang perlu bertanggungjawab dan bakal dipersoal di akhirat kelak. Selepas itu, hadith menekankan berkenaan dengan isteri. Isteri juga merupakan pemimpin yang diamanahkan menjaga keadaan rumah dan anak-anak.

Pihak isteri juga mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan baik. Menurut Imam Ibnu Kathir, pihak wanita mempunyai hak yang dipertanggungjawabkan ke atas lelaki, begitu juga pihak lelaki mempunyai hak yang dipertanggungjawabkan ke atas wanita. Masing-masing perlu menyempurnakan dengan amanah (Ibn Kathir, 2000). Sahil Hussain al-Fatalawi (t.t) menjelaskan dalam struktur rumah tangga terdapat *huquq al-usrah* (hak-hak dalam keluarga). Hak-hak ini melibatkan kesemua ahli keluarga tanpa terkecuali.

Toleransi Terhadap Kelakuan Isteri

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لَا يُفْرِكُ مُؤْمِنٌ مُؤْمِنَةً إِنْ كَرِهَ مِنْهَا خُلُقًا رَضِيَّ مِنْهَا آخَرَ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Janganlah seorang (suami) mukmin membenci seorang (isteri) mu’minah. Jika ia tidak suka dengan salah satu perlakunya, ia dapat menerima perlakunya yang lain.” (Riwayat Imam Muslim, no. 1469)

Imam al-Nawawi (2000:921) mengemukakan pendapat al-Qadhi bin ‘Iyadh yang menyatakan kadang kala berlaku krisis rumah tangga disebabkan pergaduhan antara suami dan isteri. Mereka saling menyalahkan apabila berdepan dengan kelemahan tertentu. Meskipun demikian, suami isteri perlu mengelak daripada memanjangkan pergaduhan.

Kebanyakan kajian menyebut, wanita lebih emosional berbanding lelaki. Kaum lelaki pula lebih terdorong rasional dan sering menggunakan logika. Terdapat juga pendapat lain yang menyatakan bahawa keberadaan emosi lelaki dan perempuan masing-masing sukar untuk ditentukan kerana boleh berubah mengikut budaya dan persekitaran gender (Mok, 2013).

Imam al-Nawawi mengulas, untuk menyelesaikan permasalahan kelakuan isteri atau kelemahan isteri, suami perlu mempertimbangkan dahulu kebaikan isteri sebelum berfikir pendek untuk menoktahkan perkahwinan. Aspek kelebihan agama, kesolehan,

kesantunan, kelembutan, bakti dan sebagainya perlu diingati. Imam Ibnu Kathir berpendapat berlandaskan ayat 37 *Surah al-Shu'ara'* bahawa antara ciri orang yang bertaqwa ialah mereka yang sentiasa menghendaki keampunan dan kemaafan terhadap manusia. Dendam terhadap manusia adalah bukan menjadi sifat mereka (Ibn Kathir, 2000). Justeru, pihak suami hendaklah bersedia dengan nilai positif ini apabila berdepan konflik tertentu rumahtangga.

Menyediakan Nafkah Berbentuk Wang

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: دينارٌ أنفقتهُ في سبيل الله، ودينارٌ أنفقتهُ في رَبِّهِ، ودينارٌ تَصَدَّقْتَ به على مِسْكِينٍ، ودينارٌ أنفقتهُ عَلَى أَهْلِكَ؛ أَعْظَمُهَا أَجْرًا الذي أنفقتهُ عَلَى أَهْلِكَ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Satu dinar yang engkau nafkahkan di jalan Allah, satu dinar yang engkau nafkahkan untuk memerdekaan budak, satu dinar yang engkau berikan kepada orang-orang miskin dan satu dinar yang engkau nafkahkan kepada keluargamu maka yang paling besar pahalanya adalah satu dinar yang engkau nafkahkan untuk keluargamu." (Riwayat Imam Muslim, no. 995)

Imam al-Nawawi (2000) mensyarahkan hadith ini di bawah tajuk kelebihan menyediakan nafkah ke atas keluarga dan dosa memisia-siakan kebajikan tanggungan. Nafkah dari sudut bahasa ialah mengeluarkan pembiayaan terhadap ahli keluarganya. Manakala dari sudut pengertian syarak ialah mengeluarkan pembiayaan makanan, pakaian, tempat tinggal dan selainnya meliputi keperluan utama kehidupan keluarga. Majoriti ulama mengatakan nafkah yang wajib diberikan khasnya kepada isteri melibatkan (al-Khatib, t.t.) (al-Zuhaili, 1998):

- i. Makanan
- ii. barang-barang dapur
- iii. pakaian
- iv. tempat tinggal
- v. alat-alat untuk membersihkan diri
- vi. barang rumah
- vii. pembantu kepada isteri

Imam al-Nawawi mengungkapkan bahawa suami yang bersusah payah menyediakan nafkah akan memperolehi pahala yang agung. Membayarai keluarga adalah lebih afdal daripada menyediakan sedekah kepada pihak lain. Walaupun nafkah kepada keluarga menjadi suatu kewajipan, Imam al-Nawawi turut mengingatkan terdapat juga kewajipan lain dalam agama yang perlu diamati umat Islam. Kewajipan lain yang mengundang pahala besar ialah seperti membelanjakan wang di jalan Allah dan membebaskan hamba.

Mengutamakan Harta Untuk Ahli Keluarga

عن جابر بن سمرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إِذَا أَعْطَيَ اللَّهُ أَحَدَكُمْ حَيْرًا

فَلْيَبْدأْ بِنَفْسِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ.

Maksudnya: Daripada Jabir bin Samrah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Apabila Allah SWT memberikan seseorang kebaikan (kelebihan dari sudut harta) maka mulakanlah dengan dirinya dan juga ahli keluarganya.” (Riwayat Imam Muslim, no. 1822)

Hadith ini diletakkan Imam Muslim dalam *Bab al-Imarah* iaitu bab kepimpinan. Imam al-Nawawi (2000) menyatakan asal penuturan hadith ini ialah berkaitan Rasulullah SAW menegaskan bahawa agama Islam akan sentiasa wujud hingga kiamat. Baginda juga menyebut perihal 12 pemimpin kalangan Arab Quraish yang akan memimpin pemerintahan umat dan khabar gembira Islam akan menumbangkan kekuasaan Kisra. Dalam pada itu, baginda menyelitkan tentang kewajipan mendahulukan kebaikan kepada keluarga. Penegasan Rasulullah SAW ini menunjukkan perjuangan Muslim perlu disempurnakan dalam pelbagai sudut seperti kenegaraan dan keluarga.

Hadith ini menuntut agar nikmat daripada Allah SWT perlu dinikmati diri dan dikongsi keluarga tersayang. Dalam pendapat Imam al-Nawawi (1991) dalam kitab *Raudhah al-Talibin*, beliau menyebut keutamaan nafkah ialah kepada isteri yang berada secara langsung di bawah naungan suami berbanding memberi nafkah kepada ibubapa. Tindakan ini wajib kerana dalam kerangka memberi nafkah kepada ahli keluarga yang paling hampir.

Membelai Anak-Anak Dengan Kasih Sayang

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَبَّلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَسَنَ بْنَ عَلَيٍّ ، وَعِنْدَهُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ التَّمِيمِيُّ جَالِسًا ، فَقَالَ الْأَقْرَعُ : إِنَّ لِي عَشَرَةً مِنَ الْوَلَدِ مَا قَبَّلْتُ مِنْهُمْ أَحَدًا ، فَنَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ قَالَ : مَنْ لَا يَرْحُمُ لَا يُرْحَمُ.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata: “Nabi SAW mencium al-Hasan bin ‘Ali dan di sisi Nabi ada Al-Aqra’ bin Haabis At-Tamimi yang sedang duduk. Maka al-Aqra’ berkata: Aku mempunyai sepuluh orang anak, tidak seorang pun daripada mereka yang pernah kucium. Maka Rasulullah SAW pun melihat kepada al-‘Aqra’ lalu beliau berkata: Barangsiapa yang tidak menyayangi maka ia tidak akan disayangi.” (Riwayat Imam Muslim, no. 23)

Imam al-Nawawi (2000) sekadar mensyarahkan hadith ini dengan menyatakan bahawa hadith ini mengesahkan berbuat baik pada kanak-kanak dan manusia yang lain. Berbuat baik itu dapat ditonjolkan dengan cara membela, bercakap dan menunaikan hajat. Kucupan secara ‘uruf tempatan dan kucupan secara tidak bernafsu adalah perbuatan yang diizinkan syarak.

Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh tersebut. Baginda juga menasihati agar menunjukkan kasih sayang kepada kanak-kanak. Dapat difahami, apabila individu Muslim disarankan berbuat demikian maka apatah lagi ibu bapa yang memiliki anak. Ibu bapa perlu membela anak-anak agar terzahir kasih sayang antara keluarga. Imam Muhammad Nuruddin al-Sindi menyatakan bahawa hubungan mesra antara ahli keluarga merupakan salah satu daripada perkara yang dituntut dalam Islam. Sesesiapa

yang bersikap mesra dengan ahli keluarganya maka ia tergolong dalam kalangan yang insan yang terbaik (al-Sindi, t.t.).

Memberi Didikan Agama Kepada Ahli Keluarga

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ما من مولود إلا يُولَدُ على الفطرة.
فأبواه يُهُوّدُانه وينصِّرانه ويُجْسِسانه.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Setiap anak yang dilahirkan adalah dalam keadaan bersih .Kedua orang tuanya yang menjadikan Yahudi atau Nasrani atau Majusi.” (Riwayat Imam Muslim, no. 2658)

Hadith ini disusun Imam Muslim dalam bab tentang hakikat anak dilahirkan dan status kematian anak kecil sama ada sebagai ahli syurga atau sebaliknya. Dalam huraian Imam al-Nawawi telah membahagikan kepada dua perbincangan. Pertama fitrah kelahiran dan kedua; status kematian anak kecil berdasarkan pendapat alim ulama.

Imam al-Nawawi (2000:1574) menyatakan bahawa *ijma'* ulama bahawa kanak-kanak Muslim yang meninggal dunia adalah berstatus ahli syurga. Ini kerana kanak-kanak bukan *mukallaf* iaitu kelompok yang diwajibkan untuk mengikuti hukum dan menerima ganjaran atau balasan khas di akhirat. Para ulama berbeza pendapat mengenai status kanak-kanak *musyrik* yang meninggal dunia. Terdapat tiga pendapat iaitu pertama; kanak-kanak adalah ahli neraka kerana di bawah agama waris. Kedua; tiada ketetapan dan kepastian kerana bergantung pada kehendak Allah SWT dan ketiga; berstatus ahli syurga. Imam al-Nawawi cenderung pada pendapat ketiga dan menyatakan ini merupakan pendapat terpilih di kalangan sarjana Islam.

Imam al-Nawawi menukilkan pendapat al-Maziri yang menyebut anak-anak dilahirkan dalam keadaan fitrah Islam disebabkan faktor nasab. Hadith telah menyebut ibu bapalah yang bertanggungjawab menjadikan anak mereka sama ada sebagai Yahudi, Nasrani atau Majusi. Anutan tersebut adalah mewakili contoh ideologi kufur yang boleh menghantui anak-anak sekiranya ibu bapa gagal mendidik dengan baik.

Ibu bapa perlu mengajar akidah, syariah asasi, akhlak dan adab terhadap anak-anak. Terdapat beberapa kajian yang berdasarkan kajian sirah dan sunnah menyimpulkan bahawa pendidikan anak-anak sudah diperlukan sejak kedua ibu bapa berkahwin (Muhammad, 2016). Pendidikan agama dipercayai berupaya mempengaruhi cara pemikiran anak-anak khususnya remaja. Individu yang berpendidikan agama lebih terarah untuk mengamalkan nilai akhlak Islam dan mengelakkan diri daripada perbuatan buruk (Asmawati, 2005).

Menyediakan Makanan Untuk Ahli Keluarga

عن عائشة رضي الله عنها قالت : جاءتني مسكينة تحمل ابنتين لها فاطعمنتها ثلاث مرات فاعطت كل واحدة منها مرة ورفعت إلى فيها مرة لتأكلها فاستطعمنتها ابنتها فشققت التمرة التسکانث ثم يد أن تأكلها بيتهما فاعجبني شاها فذكرت الذي صنعت لرسول الله صلى الله عليه وسلم فقال : إن الله قد أوجب لها بها الجنة أو اعتقها بها من النار.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Satu ketika seorang wanita miskin datang kepadaku dengan memimpin dua anak perempuannya. Lalu aku memberinya tiga biji tamar. Ibu tadi telah memberikan satu biji tamar setiap seorang daripada anak-anaknya. Baru sahaja dia ingin memasukkan tamar yang ketiga ke dalam mulutnya untuk memakannya, tiba-tiba kedua-dua anak perempuan tadi meminta lagi makanan. Lalu wanita tadi membahagi dua tamar yang hendak dimakannya kepada kedua-dua anaknya. ‘Aishah berkata: Aku begitu kagum dengan sifatnya dan aku menceritakan peristiwa tadi kepada Rasulullah SAW Lalu baginda bersabda: Sesungguhnya mewajibkannya syurga dan membebaskan dari memasuki neraka.” (Riwayat Imam Muslim, no. 2630)

Imam al-Nawawi (2000:1562) mengekalkan hadith ini di bawah tajuk Bab *Fadhl al-Ihsan ila al-Banat*. Meskipun hadith ini secara khusus tentang anjuran melakukan ihsan terhadap anak perempuan, namun ihsan tetap perlu dilakukan juga terhadap anak lelaki. Imam al-Nawawi menyatakan latar hadith ini untuk mendidik masyarakat Arab yang pernah bergelumang dengan ajaran jahiliah yang membenci anak perempuan. Seterusnya hadith ini menganjurkan ibu bapa untuk melakukan kebaikan dan menyediakan nafkah untuk menyempurnakan kehidupan anak.

Antara tanda keprihatinan waris ialah mereka tidak mengabaikan perintah nafkah sebagai tanda tanggungjawab. Nafkah terbahagi kepada dua iaitu nafkah *zahiriyyah* seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan manakala nafkah *batiniyyah* ialah seperti kasih sayang. Imam al-Nawawi menegaskan waris muslim wajib menyediakan nafkah secara berterusan kerana nafkah memberi kesan kemaslahatan anak di dunia dan akhirat.

Mengajar Adab Makan Dan Minum

عَنْ عُمَرَ بْنِ أَبِي سَلَمَةَ قَالَ: كُنْتُ غُلَامًا فِي حَجَرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَكَانَتْ يَدِي تَطِيشُ فِي الصَّحْنَةِ، فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا غُلَامُ، سِمِّ اللَّهَ، وَكُلْ مَا يَلِيكَ فَمَا زَالَتْ تِلْكَ طِغْمَتِي بَعْدُ .

Maksudnya: Daripada ‘Umar bin Abi Salamah RA berkata: “Aku masih kecil sewaktu di bawah jagaan Rasulullah SAW, Sewaktu kedua tanganku hendak mencapai bekas makanan yang terhidang, Rasulullah SAW menegur, “Wahai anak, ucapkanlah “bismillah”, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah makanan yang paling dekat denganmu” Sejak itu, aku tidak pernah meninggalkan tatacara adab ini ketika menikmati makananku.” (Riwayat Imam Muslim, no. 2022)

Imam al-Nawawi (2000:1280) menyimpulkan intipati hadith ini mengajar tiga perkara utama ketika makan iaitu membaca *basmalah* sebelum makan, memakan makanan dengan tangan kanan dan mengambil makanan yang lebih dekat. Adab ini perlu diamalkan oleh anak dan juga sesiapa jua di kalangan Muslim.

Imam al-Nawawi menyatakan terpuji seseorang yang makan dengan memulakan *basmalah*. Begitu juga ketika akhir memakan sesuatu. Mengikut pendapat ulama, disunatkan juga untuk menguatkan suara melafazkan *basmalah* untuk didengari orang lain. Sekiranya tinggal dengan sengaja, lupa, jahil atau tanpa rela mengucapkan *basmalah* makan ucapkanlah “*bismillah awwalahu wa akhiruh*.” Imam al-Nawawi turut menyatakan sunat mengucapkan *basmalah* ketika makan biarpun berada dalam junub dan haid. Sunat juga menyebutkannya ketika setiap kali makan sesuatu jenis

makanan. Dalam hal ini, Imam al-Shafi'i berpendapat memadai menyebut sekali sahaja *basmalah* pada awal aktiviti makan dan sudah mencapai sunnah.

Intipati lain hadith ini ialah kepentingan didikan waris kepada anak-anak. Lazimnya anak-anak amat teruja dengan makanan sehingga mereka alpa terhadap adab ketika makan dan minum. Ibu bapa perlu bertanggungjawab memberi didikan agar mencapai pahala dan keberkatan. Untuk menyempurnakan tanggungjawab ini, Menurut pendapat Ali bin Madini, mewariskan adab kepada anak-anak lebih baik daripada mewariskan harta. Adab dapat menghasilkan harta, kedudukan dan kasih sesama insan serta menghasilkan gabungan kebaikan dunia dan akhirat (Syahirah, 2016).

Menghargai Kebaikan Suami

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا النِّسَاءَ قَالُوا: لَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: بُكْفَرُهُنَّ بِاللَّهِ؟ قَالَ: يَكْفُرُنَ الْعَشِيرَ، وَبَكْفُرُنَ الْإِحْسَانَ، لَوْ أَحْسَنْتَ إِلَيْهِنَّ الدَّهْرَ، ثُمَّ رَأَيْتُ مِنْكُمْ شَيْئًا، قَالَتْ: مَا رَأَيْتُ مِنْكَ خَيْرًا قُطُّ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Diperlihatkan kepadaku neraka dan aku melihat kebanyakan penduduknya adalah wanita. Para wanita bertanya: “apakah kerana mereka kufur kepada Allah? Nabi SAW menjawab: “Ini disebabkan mereka kufur kepada suami mereka dan kufur kepada kebaikan suami mereka. Jika engkau para suami, berlaku baik kepada isteri kalian sepanjang waktu, kemudian pihak isteri melihat satu keburukan dari dirimu, maka pihak isteri ada yang menyatakan: aku tidak pernah melihat kebaikan dari dirimu.” (Riwayat Imam Muslim, no. 907)

Imam al-Nawawi (2000:592) menyatakan permulaan *matan* hadith ini menyentuh tentang cara Rasulullah SAW melaksanakan Solat Sunat Gerhana Matahari dan perihal baginda melihat situasi syurga dan neraka ketika solat. Ketika Rasulullah SAW menceritakan perihal penduduk neraka, baginda menyatakan ramai kalangan penduduk neraka terdiri daripada wanita yang kufur. Imam al-Nawawi menjelaskan menjelaskan kufur terbahagi kepada dua iaitu pertama; tidak beriman dengan Allah SWT. Kedua; ingkar kepada suami atau penjaga mereka.

Menurut Mat Saad Abdul Rahman (1993), apabila seseorang lelaki melafazkan akad pernikahannya, selain daripada mengharuskan persetubuhan dengan isterinya, akad itu juga menimbulkan hak dan tanggungjawab di antara mereka berdua sebagai suami dan isteri. Tidak semata-mata tanggungjawab zahir dan batin di pihak suami. Antara tanggungjawab isteri dalam konteks hadith ini ialah bersyukur dengan nafkah suami dan tidak memperkecilkan maruah suami.

Memahami Tatacara Saraan Ahli Keluarga

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ دَخَلَتْ هِنْدُ بْنُتُ عُتْبَةَ امْرَأَةً أَبِي سُفْيَانَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيجٌ، لَا يُعْطِينِي مِنَ النَّفَقَةِ مَا يَكْفِيَنِي وَيَكْفِيَنِي إِلَّا مَا أَحَدُثُ مِنْ مَالِهِ بِغَيْرِ عِلْمِهِ، فَهَلْ عَلَيَّ فِي ذَلِكَ مِنْ جُنَاحٍ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: حُذِيَ مِنْ مَالِهِ بِالْمَعْرُوفِ مَا يَكْفِيَنِي وَيَكْفِيَنِي.

Maksudnya: Daripada ‘Aishah RA berkata: “Sesungguhnya Hindun binti ‘Utbah, isteri

Abu Sufian datang kepada Rasulullah SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah! Abu Sufyan adalah orang yang kikir dan tidak mahu memberikan kepadaku belanja yang cukup untukku dan anakku sehingga terpaksa aku ambil daripada hartanya tanpa pengetahuannya.” Lalu baginda bersabda: Ambillah sekadar cukup untuk dirimu dan anakmu dengan wajar.” (Riwayat Imam Muslim, no. 1695)

Hadith ini terletak pada bab khusus permasalahan Hindun binti ‘Utbah, isteri Abu Sufian bin Harb. Beliau mengadu kepada Rasulullah SAW tentang sikap Abu Sufian yang kedekut mengeluarkan perbelanjaan keluarga. Baginda memberikan keizinan kepada Hindun untuk mengambil harta disebabkan situasi yang berlaku.

Imam al-Nawawi (2000:1101-1102) menjelaskan hadith ini mempunyai banyak manfaat kebaikan dalam konteks kekeluargaan. Paling utama ialah suami wajib menyediakan nafkah untuk isteri dan anak-anak, khasnya untuk keperluan anak kecil. Dalam Mazhab Shafi’i mengariskan maksud nafkah secara umum ialah sesuatu yang diperlukan dan dapat menyempurnakan keperluan keluarga. Imam al-Nawawi menjelaskan hadith ini juga menunjukkan hukum harus bagi isteri atau suami untuk menceritakan polimek keluarga pada pihak autoriti bagi tujuan penyelesaian masalah. Hadith ini telah menjadi dalil bagi Mazhab Shafi’i untuk membolehkan tindakan isteri biarpun tidak mendapat keizinan suami. Dalam pendapat Mazhab Abu Hanifah dan Maliki menegah perbuatan tersebut. Rumusan bagi pendapat *fuqaha* yang membolehkan ialah disebabkan faktor suami tidak memberikan nafkah yang secukupnya (Abdul Aziz, 2015).

Imam al-Nawawi selaku ulama *Shafi’iyah* menyatakan bahawa isteri juga berhak mengambil harta suami apabila suami menghilangkan diri. Dalam hal ini, pihak hakim boleh memerintahkan keluarga suami untuk memberi sesuatu bantuan kepada isteri. Kebanyakan ulama *Shafi’iyah* bersetuju dengan tindakan tersebut manakala ulama *Hanabilah* dan Ahli Kufah tidak bersetuju dengan alasan hadith ini bukan menjadi dalil keharusan dalam konteks kehilangan suami. Imam al-Nawawi menyatakan meskipun ulama *Shafi’iyah* membolehkan, namun bukan disebabkan latar dalil hadith ini. Namun disebabkan faktor kemanusiaan dalam hal kekeluargaan.

Memelihara Kehormatan Pasangan

عن عبد الرحمن بن سعد قال سمعت أبا سعيد الخدري يقول قال رسول الله رسول الله صلى الله عليه وسلم:
إِنَّ مِنْ أَشَرِ النَّاسِ عِنْدَ اللَّهِ مَنْزِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، الرَّجُلُ يُفْضِي إِلَى امْرَأَتِهِ، وَتُفْضِي إِلَيْهِ، ثُمَّ يَنْتَشِرُ سِرَّهَا.

Maksudnya: Daripada Abu Sa’id al-Khudri RA berkata Rasulullah SAW bersabda: “Seburuk-buruk tempat manusia di sisi Allah kelak hari kiamat, ialah tempat suami yang telah saling percaya-mempercayai dengan isterinya, tetapi kemudian si suami membuka rahsia peribadi isterinya sendiri.” (Riwayat Imam Muslim, no. 1437)

Hadith ini terletak dalam bab larangan menyebarkan rahsia isteri. Imam al-Nawawi (2000:899) menukilkan pendapat al-Qadhi bin Íyadh yang mentakwilkan maksud seburuk-buruk manusia di sisi Allah ialah pihak suami yang rela menyebarkan keaiban isteri. Sepatutnya ia berperanan memastikan kesejahteraan isteri namun ia memilih melakukan perbuatan buruk. Imam al-Nawawi menerangkan hadith ini jelas memaparkan hukum haram menyebarkan perihal hubungan suami isteri khasnya dalam perihal seksual. Haram disebarluaskan menerusi perbuatan, percakapan dan sebagainya.

Ada kalangan suami yang menceritakan keburukan isteri, keaiban atau perihal seksual kepada pihak keluarga, rakan atau pihak tertentu dengan tujuan mahu berkongsi

pengalaman atau didorong perasaan marah terhadap isteri. Tindakannya berkongsi atau meluah perasaan dinilai sebagai perbuatan membuka kekurangan isteri di khalayak ramai. Tindakan ini ditegah syarak kerana memberi implikasi keruntuhan rumahtangga dan tekanan psikologi.

Menurut Wahbah al-Zuhaili (1997) kesantunan kepada isteri dapat dilakukan dengan cara suami beringat untuk sentiasa menjaga perasaan isteri. Pihak suami perlu menjaga lidah daripada menuduh dengan perkara yang tidak wajar. Suami juga dianjurkan tidak menyebut kebaikan atau kecantikan wanita lain di hadapan isteri. Dalam pergaulan seharian, suami harus memanggil isteri dengan penuh penghormatan seperti panggilan nama atau gelaran yang baik.

Memenuhi Kehendak Seksual

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: والذى نفسي بيده، ما من رجلٍ يدعُو امرأةً إلى فراشها، فتأنِّي عليه، إلَّا كانَ الذى في السماءِ سَاخطاً عَلَيْهَا حَتَّى يرضي عنَّها.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, katanya Rasulullah SAW bersabda: “Demi Allah, yang jiwaku di tanganNya! Apabila seorang lelaki memanggil isterinya tidur ke ranjang tetapi si isteri enggan maka penduduk langit marah kepadanya sehinggalah suaminya meredainya.”

(Riwayat Imam Muslim, no. 1372)

Hadith ini terletak dalam bab berkenaan larangan isteri mengelak hubungan seks dengan sengaja. Imam al-Nawawi (2000:899) menyatakan hadith ini menjadi dalil bahawa isteri haram menolak ajakan suami untuk hubungan seks tanpa uzur syar’ie seperti haid. Apabila isteri berada dalam keadaan biasa dan tanpa masalah kesihatan maka suami berhak untuk mengauli isteri. Isteri yang mengabaikan kewajipan ini akan dilaknat para malaikat sehingga waktu subuh. Isteri perlu menginsafi dan segera mendekati suami agar tidak terkena ancaman ini.

Pihak isteri yang mengabaikan ketaatan dan tidak menyambut seruannya, maka isteri boleh menjadi faktor kesusahan dan penderitaan batin pihak suami. Walau bagaimanapun, Islam menetapkan bahawa ketaatan isteri kepada suami bukanlah kepada perkara mungkar serta tidak boleh menandingi ketaatan kepada Allah dan Rasul (al-Jaziri, 1989; Taha, 1995).

Dapat difahami, keengganan isteri menurut kehendak seksual suami adalah berdosa. Ini kerana hak suami ialah ketaatan isteri apabila diajak berjimak dan isteri tidak boleh keluar rumah tanpa izin suami. Hak ketaatan dan mendapat layanan baik serta keperluan batin suami adalah tanggungjawab isteri (Mat Saad, 1993).

Menghargai Wanita, Memastikan Kedamaian Rumah Tangga dan Menyediakan Nafkah Asas

عن جابر بن عبد الله قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: فاتّقوا الله في النساء ، فإنّكم أخذتموهنَّ بأمانةِ اللهِ ، واستحلّلتم فروجهنَّ بكلمةِ اللهِ ، وإنَّ لكم علیههنَّ أن لا يُوطئنَ فُرشَكُمْ أحدًا تكرهونَه ، فإنَّ فعلَ ذلك فاضربوهنَّ ضربًا غيرَ مبرّح ، ولهم علیكم رزقُهُنَّ وكسوةُهُنَّ بالمعروف

Maksudnya: Daripada Jabir bin ‘Abd-Allah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

“Takutlah kalian kepada Allah mengenai wanita (isteri kalian). Sesungguhnya kalian telah mengambil mereka dengan amanah Allah dan kalian halalkan farajnya dengan kalimah Allah. Kamu mempunyai hak ke atas mereka dan menjadi hak kamu ke atas mereka bahawa tidak ada orang yang menginjak tempat tidurmu. Sekiranya mereka melakukan ingkar maka pukullah mereka dengan cara yang tidak menyakitkan. Ke atas kamu bertanggungjawab untuk memberi mereka makanan dan pakaian dengan cara yang baik.” (Riwayat Imam Muslim, no. 1218)

Asal hadith ini terkandung dalam sebuah hadith yang panjang yang memerlukan khutbah Rasulullah SAW pada Hari Arafah. Imam al-Nawawi (2000:775) mengulas terlebih dahulu tentang pensyariatan khutbah Hari Arafah. Khutbah tersebut adalah sunat mengikut pendapat majoriti ulama. Dalam pada itu, terdapat khilaf di kalangan utama khasnya Mazhab Maliki dan Mazhab Shafi'i tentang hukum khutbah pada Hari Arafah, ke-7 Zulhijjah, Hari Nahar dan Hari Nafar Awal.

Imam al-Nawawi menegaskan bahawa kandungan khutbah Rasulullah SAW mengesahkan agar umat Islam memelihara kehormatan wanita. Baginda berpesan secara khususnya bahawa pihak suami perlu menyedari tanggungjawabnya adalah amanah besar. Dalam hadith ini ada diungkapkan “*walahunna ‘alaikum rizquhunna wa kiswatu hunna bi al-ma’ruf*” yang bermaksud “*ke atas kamu bertanggungjawab untuk memberi mereka makanan dan pakaian dengan cara yang baik.*” Ungkapan ini menunjukkan hukum wajib suami menyediakan nafkah kepada isteri lebih-lebih lagi dalam soal makanan dan pakaian. Ini merupakan suatu ketetapan syarak yang dipersetujui alim ulama secara *ijma’*.

Suami juga mempunyai kewajipan memelihara keharmonian dan keselamatan kediaman. Hadith telah memperingatkan pihak suami agar menegah orang lain agar mudah memasuki rumah. Imam al-Nawawi menyatakan berlaku khilaf di kalangan *fuqaha’* tentang apakah boleh isteri keluar rumah ketika ketiadaan suami untuk berjumpa pihak lain disebabkan sesuatu urusan yang mendesak. Hadith ini juga memberi izin kepada pihak suami untuk mengajar isteri yang gagal taat. Ini dilakukan dengan cara memukul dengan penuh adab. Imam al-Nawawi menegaskan pihak suami tidak langsung dibenarkan syarak untuk menggunakan cara kekerasan.

Prihatin Terhadap Waris

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: رَغْمَ أَنْفُثُ ثُمَّ رَغْمَ أَنْفُثُ ثُمَّ رَغْمَ أَنْفُثُ.
قِيلَ مَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: مَنْ أَدْرَكَ أَبْوَيْهِ عِنْدَ الْكَبِيرِ أَحْدَهُمَا أَوْ كِلَيْهِمَا فَلَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Kehinaan, kehinaan, kehinaan.” Baginda ditanya: “Siapa (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?” Rasulullah SAW menjawab: “Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika mereka sudah lanjut usia, salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga.” (Riwayat Imam Muslim, no. 2551)

Hadith ini mengandungi perihal kewajipan anak dalam rumah tangga. Anak perlu membalaik kebaikan waris apabila waris hilang tempat pergantungan. Anak juga bertanggungjawab untuk mengatasi kesukaran yang dialami waris. Imam al-Nawawi mengutarakan pendapat ahli Bahasa Arab yang menyebut makna *raghima anf* ialah kehinaan bagi anak yang mengabai kebaikan waris. Kalimah ini juga bermakna perbuatan abai yang dibenci syarak. Justeru, untuk mengelak kemurkaan Allah SWT maka anak perlu membuat kebaikan kepada waris. Sebagai balasan, anak bakal beroleh

pahala besar dan tidak terhalang untuk memasuki syurga kelak.

Tanggungjawab di pihak anak dikira gagal memenuhi tuntutan syarak apabila anak tidak mengambil peranan memberi *nafaqah* kepada ibu bapa ketika mereka memerlukan bantuan hidup (al-Khin, 2015). Lebih-lebih lagi apabila waris berstatus fakir dan miskin maka anak wajib segera memberikan nafkah. Ibn al-Munzir menyatakan bahawa alim ulama telah bersepakat bahawa nafkah waris yang fakir dan tiada mata pencarian dan harta adalah wajib dibantu daripada saraan anak biarpun ia memiliki keluarga sendiri di kalangan isteri dan anak (al-Munziri, 2004). Pertimbangan perlu ada bagi memastikan tiada pihak terabai.

Mendoakan Waris

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Apabila matinya seseorang insan itu maka akan terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh sentiasa mendoakan kedua ibubapanya.” (Riwayat Imam Muslim, no. 1631)

Imam al-Nawawi (2000:1038) mendahului kenyataan umum daripada ulama tentang objektif utama hadith. Rasulullah SAW telah menyampaikan bahawa amalan seseorang yang meninggal dunia telah pun terputus kerana kematiannya. Namun pahala masih boleh diraih si mati menerusi tiga sumber iaitu anak yang soleh yang mendoakannya, ilmu yang diamalkan orang lain hasil daripada pengajaran atau penulisannya dan sedekah atau waqaf yang ditinggalkan.

Imam al-Nawawi menukarkan bahawa kalangan ulama *Shafi'iyyah* menyatakan masih lagi ada sumber pahala yang akan diraih. Hadith tersebut dalam konteks orang yang meninggal dunia. Dalam keterangan hadith yang lain menunjukkan seseorang yang meninggal dunia masih boleh meraih pahala atau manfaat kesejahteraan pihak lain menerusi ibadat haji atau pembayaran hutang. Antara hakikat yang jelas ialah menerusi pensyariatan puasa. Imam al-Nawawi menyatakan *qadha'* puasa oleh waris akan dapat memberi manfaat pada si mati. Ini merupakan pendapat yang paling *sahih*. Akan tetapi dalam permasalahan bacaan al-Quran, Mazhab Shafi'i dan majoriti ulama berpendapat pahala tidak sampai pada si mati. Perkara ini menjadi khilaf di kalangan fuqaha'.

Imam al-Nawawi menyebut bahawa antara manfaat perkahwinan ialah memperolehi anak. Anak yang dididik mampu menjadi anak yang soleh yang akan mendoakan kepada kedua ibu bapa. Namun dalam hukum kewajipan untuk berkahwin, tidaklah wajib secara mutlak kerana hukum bergantung kepada keadaan individu muslim. Imam al-Nawawi menyebut hukum lanjutan tentang perkahwinan boleh diilihat dalam *Bab al-Nikah*.

Menyantuni Sahabat Waris

عن ابن عمر رضي الله عنه قال: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ أَبَرَّ الِّبَرِّ صِلَةُ الْوَلَدِ أَهْلُ وُدٍ

أَيْمَانُ

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Umar RA berkata sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Kebajikan yang terbesar ialah seorang yang mempereratkan hubungan dengan kawan yang paling disukai ayahnya.” (Riwayat Imam Muslim, no. 2552)

Hadith ini di bawah tajuk berkenaan tuntutan menyambungkan silaturahim dengan sahabat waris. Tajuk ini menunjukkan tanggungjawab anak bukan sahaja berbuat baik kepada waris bahkan berbuat baik terhadap sahabat waris. Ini menunjukkan keluasan hubungan ihsan dalam Islam.

Imam al-Nawawi (2000:1533) menjelaskan maksud sahabat waris ialah individu yang dikasihi ayah dan ibu. Anak perlu memainkan peranan menyambung silaturahim dengan cara melakukan kebaikan dan memuliakan sahabat waris. Tuntutan ini perlu juga dilakukan terhadap sahabat dan kerabat di pihak ibu. Anak perlu menyantuni datuk, nenek, orang-orang tua dan sebagainya. Hadith ini perlu difahami bersama hadith yang lain yang menganjurkan ihsan kepada pelbagai pihak sebagaimana hadith berkenaan dengan Rasulullah SAW memuliakan kerabat Khadijah RA. Meskipun Khadijah sudah pun meninggal dunia, baginda masih berhubung dan menjalinkan silaturahim.

Dalam panduan hadith yang lain, Islam amat menganjurkan untuk menziarahi antara satu sama lain untuk tujuan merapatkan silaturahim. Jika menghubungkan silaturahim kepada umum manusia menjadi tuntutan, apakah lagi kepada insan-insan yang baik lagi berbudi di kalangan rakan waris. Antara kelebihan yang dijanjikan Allah SWT ialah seperti hadith riwayat Imam al-Bukhari bahawa orang yang gemar menghubungkan silaturahim akan diluaskan reseki dan dipanjangkan umur.

Penutup

Imam al-Nawawi telah membincangkan hadith riwayat Imam Muslim dalam bentuk yang ringkas, sederhana dan panjang. Penekanan terhadap tanggungjawab menyantuni keluarga lebih difokuskan kepada pihak suami sesuai dengan zahir hadith. Peranan isteri juga turut disentuh manakala peranan anak tidaklah diterang secara meluas. Peranan anak tertumpu pada perbincangan kebajikan waris.

Hadith-hadith bukan sahaja mengandungi seruan agar kepimpinan keluarga iaitu suami menyempurnakan keperluan makan minum, pakaian, tempat tinggal dan kasih sayang bahkan juga menyeru agar setiap ahli keluarga termasuk isteri dan anak-anak mengamalkan agama untuk tujuan kesejahteraan di akhirat. Meskipun kitab *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj* ditulis pada abad ke-13, sudut pandang Imam al-Nawawi sehingga kini masih sesuai diamalkan mana-mana keluarga Muslim untuk menaja kesantunan keluarga yang diredaya Ilahi.

Islam menjadikan lelaki sebagai pemimpin utama kepada wanita dan mewajibkan ke atas suami memberi didikan kepada isteri mereka (Muhammad, 1998). Suami wajib mendidik isteri tentang perkara makruf dan bukan kepada perkara-perkara maksiat. Suami juga berkewajipan memberi bimbingan yang sempurna seperti penghayatan agama, memperbaiki akhlak serta memberi tunjuk ajar ke arah kebaikan dan kebahagiaan kepada setiap ahli keluarga.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

- Al-Fatalawi, Sahil Hussain. (t.t). *Huquq al- Insan Fi Islam*. Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Al-Jaziri, Abdul Rahman. (1989). *Fiqh 'Ala al-Mazahib al-'Arba'ah*. Beirut: Darul Fikr.
- Al-Khatib, Muhammad Khatib. (t.t.). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ni Alfaz al-Minhaj*. Lubnan, Dar al-Fikr.
- Al-Khin, Mustafa, Mustafa al-Bugha, al-Sharbaji 'Ali. (2015). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Munziri, al-Naisaburi, Abu Bakr Muhammad ibn Ibrahim. (2004). *al-Ishraf 'ala Mazahib Al-Ulama'*. UAE: Maktabah Makah al-Thaqifiyah.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf, al-Imam al-Hafiz. (1991). *Raudah al-Tolibin wa Umdah al-Muftin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf, al-Imam al-Hafiz. (2000). *Al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Nu'aymi, 'Abd al-Qadir ibn Muhammad. (1988). *al-Daris fi Tarikh al-Madaris*. Beirut: Dar al-Kitab al-Jadid.
- Al-Sadiqi, Muhammad bin 'Alan. (t.t). *Dalil al-Falihin li Turuq Riyadh al-Salihin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sindi al-Madani. (t.t.). *Muhammad 'Abd al-Hadi Hasyiah As-Sindi 'ala Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah, Prof. Dr. (1997). *al-Fiqh Islam wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abdul Aziz Bin Abdullah bin Baaz, Syeikh. (2015). *Fatawa Syaikh Bin Baaz* Pustaka at-Tibyan.
- Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad. (1969). *Fi Rihab al-Kutub al-Sihah al-Sittah*. Misr: Silsilah al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Akram Radamursi. (2001). *al-Usrah al-Muslimah fi al-'Alim al-Mu'asir*. Pakistan: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat,
- Asmawati Suhid. (2005:103). *Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi*. Jurnal Kemanusiaan. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Bil.6.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=santun>.
- H. Muhyiddin Mas Rida, H. Abdurrahman Siregar, H. Moh Abidin Zuhri. (2007). *Raudhatul Thalibin*, Imam al-Nawawi. Jakarta : Pustaka Azzam.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar (2000), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Beirut - Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Miskawaih, Abu 'Ali Ahmad ibn Muhammad ibn Ya'qub. (1970). *al-Fawz al-Asghar*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Mahayudin Hj. Yahaya. (1987). *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Saad Abdul Rahman. (1993). *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Shah Alam: Hizbi.
- Mohamad Syukri Abdul Rahman, Dr. dan Mohammad bin Seman, Prof. Madya Dr. (2014). *Ketokohan dan Kewibawaan Imam Nawawi Dalam Bidang Keilmuan*. Jurnal Pengajian Islam. Akademik Islam. Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor, bil.7 isu 1.
- Mok Soon Sang. 2013. *Perkembangan Kanak-Kanak*. Selangor: Penerbitan Multimedia

- Sdn. Bhd.
- Muhammad Mahmud Shafie. (1998). *al-Tanbih Fi al-Fiqh al-Syafi'i* (Terj.) Hafid Abdullah. M.A.Semarang: CV. Asy Syifa.
- Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid. (2016) *Prophetic Parenting: Cara Nabi Mendidik Anak*. Sri Kembangan: Firdaus Press.
- Nizar Ali. (2007). *Kontribusi Imam Nawawi dalam Penulisan Syarh Hadis*. Tesis doktor falsafah. UIN Sunan Kalijaga.
- Sabuding, Abdulhadee dan Mohd Radzi Bin Othman. (2015). *Imam Al-Nawawi dan Syarh Sahih Muslim: Satu Kajian Sifat-Sifat Allah*. Journal of Islamic Studies. Thailand: Prince of Songkla University, vo.6, 2.
- Sri Ulfah. (2020). *Manhaj Imam An-Nawawi Dalam Kitab Syarah Hadis Sahih Muslim*. Al- I'jaz : Jurnal Kewahyuan Islam. Medan: Universitas Islam Negeri Sumatera Utara.Vol. vi no. ii Jul-Des.
- Syahirah Abdul Shukor. (2016). *Tanggungjawab Ibu Bapa Dalam Melindungi Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. USIM: Malaysian Journal of Syariah and Law. Vol. 3.
- Taha Abdullah al-Afifi. (1995). *Hak Suami dan Isteri Dalam Islam*. (Terj.) Amir Taat Nasution. Johor: Jahabesra.